

06 AUG 1998

Sabbaruddin-kompleks

KOMPLEKS SUKAN NEGARA DIPROMOSI SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil di sini akan disenaraikan sebagai pusat tarikan pelancong bersama-sama tempat menarik lain yang sudahpun popular, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

"Ia merupakan satu produk pelancongan...sekurang-kurangnya sesuai untuk lawatan sehari," katanya kepada pemberita selepas melawat kompleks itu di sini.

Kementerian itu akan membantu mempromosikan kompleks itu melalui risalah pelancongannya manakala Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia akan diminta menyediakan pakej yang sesuai.

Sambil memuji reka bentuk kompleks itu dan kemudahan yang disediakan, Sabbaruddin berkata promosi bersepadu perlu dibuat untuk memperkenalkan sesuatu destinasi baru seperti kompleks itu.

"Kita juga akan menyokong pertunjukan yang akan dibuat di situ kerana ia boleh menarik orang ramai di samping membawa pulangan yang tinggi," katanya.

Kompleks di tapak seluas 80 hektar itu mengandungi sebuah stadium utama yang dinamakan Stadium Nasional yang boleh memuatkan 93,000 penonton, Stadium Putra (13,000), Stadium Skuasy Kebangsaan (1,200), Pusat Akuatik Nasional (3,000) dan Stadium Hoki Nasional (15,000).

Bersebelahan kompleks itu juga disediakan sebuah taman rekreasi iaitu Taman Peringatan Komanwel, perkampungan sukan, kompleks Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan Sekolah Sukan Negara.

Sabbaruddin berkata beberapa kemudahan canggih di kompleks itu tidak dimiliki negara lain dan ia boleh menarik perhatian pelancong yang gemarkan sesuatu yang luar biasa.

Ketua Setiusaha Kementerian Belia dan Sukan Datuk Ahmad Bakri Shabdin yang bertindak sebagai "pemandu pelancong" di sekitar kompleks itu, berkata usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan kemudahan di kompleks itu termasuk menyediakan premis menjual makanan di Taman Peringatan Komanwel dan di tempat-tempat strategik.

Kompleks itu, yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas, menjadi gelanggang kepada Kuala Lumpur 98 Sukan Komanwel ke 16 dari 11 hingga 21 Sept ini.

--BERNAMA

HJ MAI